

06/11/1999

Ekonomi kaum Cina bantu hadapi serangan spekulator

PETALING JAYA, Jumaat - Kekuatan asas ekonomi masyarakat Cina adalah antara faktor membantu negara menghadapi serangan spekulator mata wang baru-baru ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, masyarakat Cina telah menunjukkan dengan jelas kesediaan mereka berkongsi kekayaan Malaysia dengan orang Melayu dan kaum lain demi kestabilan negara secara keseluruhan.

"Saya berharap kerjasama erat dan persefahaman yang dimiliki rakyat pelbagai kaum negara ini akan berterusan," katanya ketika merasmikan Konvensyen Hakka Sedunia ke-15, di Hotel Sunway Lagoon Resort di sini hari ini.

Dalam upacara ringkas di perhimpunan lebih 1,000 masyarakat Cina keturunan Hakka dari seluruh dunia itu, Dr Mahathir turut mengimbuai kehadiran masyarakat Hakka di rantau ini sejak abad ke-17.

Di Malaysia, katanya, sumbangan pemimpin Hakka adalah besar terutama oleh pengasas Kuala Lumpur moden, Yap Ah Loy, yang menjadi Kapitan Cina dalam industri perlombongan bijih timah pada hujung abad lalu.

"Malahan sebelum ketibaan Yap Ah Loy di Kuala Lumpur dari Sungai Ujong di Negeri Sembilan pada 1862, Kuala Lumpur sudah pun menjadi sebuah kampung yang aktif dalam perlombongan bijih timah.

"Ketika itu Kuala Lumpur ditadbir oleh rakan lama Yap Ah Loy - seorang lagi Hakka - bernama Liu Ngim Kong, yang berasal dari Wilayah Guandong, China," katanya.

Beliau berkata, kejayaan Yap Ah Loy pula dibantu oleh seorang lagi rakannya keturunan Hakka, Yap Ah Shak.

Dr Mahathir berkata, kerjasama masyarakat Hakka di Malaysia bermula apabila pemimpin masyarakat Melayu, Mohamad Tahir serta Ah Loy dan Ah Shak, melakukan kerja-kerja asas bagi pembinaan Kuala Lumpur moden.

"Jadi anda boleh lihat bahawa kerjasama antara masyarakat Melayu dan Cina - atau lebih tepat lagi dengan suku kaum Hakka, bermula sejak satu setengah abad lalu," katanya.

Perdana Menteri gembira kerana masyarakat Hakka sedunia memilih Malaysia sebagai tuan rumah konvensyen mereka, yang turut membayangkan reputasi negara ini sebagai pusat konvensyen antarabangsa.

Ketika Dr Mahathir menyampaikan ucapannya, sebilangan peserta berkerumun di hadapan pentas untuk mengambil gambar beliau serta meminta rakan-rakan mengambil gambar mereka berlatarbelakangkan Perdana Menteri.

Turut hadir Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar dan Presiden Persekutuan Persatuan Hakka Malaysia, Tan Sri Jeffrey Cheah.

Sementara itu, Cheah bagi pihak persekutuan itu, menyampaikan cek bernilai RM100,000 kepada Dr Mahathir sebagai derma untuk Badan Amal Dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri Dan Timbalan Menteri (Bakti).

(END)